



BINCANG...Ong (kanan) berbincang dengan penduduk Taman Maju Jaya mengenai kerja menaik taraf Sungai Kerayong, semalam. — Gambar ROSLIN MAT TAHIR

Naik taraf sungai siap Julai

CHERAS: Kerja menaikkan taraf Sungai Kerayong, Taman Maju Jaya dekat sini, masih beroperasi seperti biasa dan dijangka siap Julai ini walaupun sering diancam arus deras berikutan banjir kilat, baru baru ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi merangkap Ahli Parlimen Pandan, Datuk Ong Tee Keat, berkata walaupun cuaca tidak menentu sejak minggu lalu sehingga menjejaskan kerja berkenaan, ia akan disiapkan mengikut jadual.

Menurutnya, kebimbangan penduduk terutama yang tinggal berhampiran sungai berkenaan berikutan air sungai itu naik beberapa hari lalu hingga paras tebing adalah disebabkan hujan lebat luar biasa minggu lalu.

"Kejadian itu disebabkan hujan lebat terutama di sekitar Cheras sejak beberapa

hari lalu, selain sungai ini yang sempit menyebabkan ia tidak dapat menampung aliran air dalam jumlah banyak.

"Justeru, lawatan saya hari ini bertujuan melihat perjalanan projek ini sama ada ia terjejas berikutan banjir kilat atau sebaliknya.

"Maklum balas yang saya terima daripada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) sebentar tadi (semalam) memberi petanda positif dan kerja menaik taraf masih dilakukan seperti biasa," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan ke tapak projek berkenaan di sini, semalam.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM102 juta yang diumumkan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk projek mendalam dan melebarkan Sungai Kerayong, be-

lum mencukupi berikutan banjir kilat baru-baru ini.

"Saya sedang berusaha mendapatkan peruntukan tambahan daripada kerajaan untuk mempercepatkan lagi kerja mendalam dan melebarkan sungai ini.

"Kita tidak mahu kejadian banjir kilat yang berlaku 24 April 1995 hingga menyebabkan penduduk tinggal sehelai sepinggang berulang. Selain itu, di kawasan ini saja sudah tiga kali banjir berikutan limpahan air Sungai Kerayong," katanya.

Ong berkata, kerja menaik taraf sungai sudah pun dilakukan, sejak 17 Oktober lalu, tetapi berlaku beberapa masalah berikutan tindakan segelintir penduduk membuat struktur binaan tambahan rumah di atas tanah rizab sungai sehingga mengganggu laluan lori dan jengkaut memunggah muatan.